

03/06/1998

Jepun paling layak pulih Asia Timur

A Nazri Abdullah in Tokyo

TOKYO, Selasa, - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Jepun dapat menerajui pemulihan ekonomi Asia Timur jika mereka tidak terlalu memikirkan apa orang lain kata.

Menurut Perdana Menteri, Jepun mempunyai modal, teknologi, kepakaran dan segala-galanya yang diperlukan untuk pertumbuhan ekonomi rantau Asia Timur seperti dilakukan sebelum ini.

Dengan memulihkan ekonomi Asia Timur, Jepun sebenarnya mencipta pasaran untuk barangan keluarannya.

"Anda perlu menggunakan semua kekayaan untuk menerajui pemulihan rantau ini. Anda perlu melabur di negara Asia Timur. Anda perlu membeli barangan mereka bagi memperkayakan mereka.

"Anda patut membantu menyediakan Asia Timur sebagai pasaran dunia," katanya di simposium anjuran Institut Hal Ehwal Kewangan Antarabangsa bertemakan 'Pemulihan Semula Ekonomi Jepun dan Masa Depan Asia Timur' di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, apa yang diperlukan oleh Malaysia dan negara lain di rantau Asia Timur ialah pelaburan Jepun serta peluang pekerjaan bagi menggerakkan pertumbuhan ekonomi yang akan melahirkan pasaran terbaik untuk Jepun.

Mengenai kelembapan ekonomi Jepun yang dilihat sebagai salah satu punca kelewatan pemulihan ekonomi Asia, Perdana Menteri berharap kerajaan dan ahli perniagaan Jepun membersihkan sebarang amalan buruk masa lalu dan segera memulihkan keyakinan bagi membina semula ekonomi mereka.

"Malaysia masih memandang ke Timur. Kita akui Jepun gagal dalam bidang tertentu. Ini kita jadikan pengajaran. Tetapi masih banyak lagi yang kami boleh pelajari daripada kemahiran, teknologi, disiplin dan etika kerja anda," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, Malaysia sedang mengambil beberapa langkah bagi mengubah ketidakstabilan kadar pertukaran termasuk perdagangan tukaran barang di kalangan negara Asean atau menggunakan mata wang negara rakan perdagangan.

Sebelum itu, dalam ucapan di simposium berkenaan, Dr Mahathir menyindir Institut Pembangunan Pengurusan (IMD) dan Pengarah Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Michel Camdessus yang memuji ekonomi Malaysia tetapi dua minggu selepas pujian dibuat, Malaysia dilanda kegawatan ekonomi.

"Dua minggu sebelum ribut kewangan melanda, IMF memuji kekuatan asas ekonomi Malaysia. Tetapi kini pelampau fundamentalis pasaran yang terlalu percaya kepada kuasa pasaran, menyalahkan asas ekonomi kita.

"Jika asas ekonomi kita salah, mengapakah pelabur asing terlalu bodoh untuk melabur beratus bilion dolar di rantau ini. Mengapa bank antarabangsa merendahkan kadar faedah dan memujuk kita supaya meminjam walaupun kita tidak memerlukan dana tambahan?

"Jika asas ekonomi kita hancur lebur, mengapa tidak seorang pun pakar ekonomi atau kewangan meramalkan apa yang sedang berlaku? Tapi kini, mereka yang sama membuat pelbagai ramalan untuk mempengaruhi pasaran," katanya.

Secara sinis Perdana Menteri mengingatkan mereka yang lebih pandai daripada pemimpin yang dipilih rakyat, bahawa rantau ini menikmati pertumbuhan ekonomi yang tidak boleh ditandingi dalam sejarah manusia selama 40 tahun.

"Memandangkan sesetengah mereka boleh dianggap sebagai cucu kita,

barangkali kita perlu mengingatkan mereka bahawa semua rungutan mereka mengenai sebab kegawatan ekonomi adalah rungutan yang kita ucapkan ketika umur kita sebaya mereka.

"Semua asas ekonomi yang dikatakan menjadi punca kegawatan kewangan sepanjang 12 bulan lalu - rasuah, monopoli, kapitalisme suku-sakat, ketidakcukupan tenaga manusia, sistem bank yang lemah - sentiasa kita hadapi sejak dulu tetapi ekonomi kita tetap tumbuh dengan pantas," katanya.

(END)